

Malaysia MADANI hapuskan 'bebalisme', hidupkan budaya ilmu

- 'Bebalisme' merujuk kekecamukan minda yang tiada visi masa hadapan, mudah percaya perkara di luar kebiasaan, tiada semangat untuk mengkaji atau menyemak sesuatu perkara serta bodoh sombong

- Malaysia MADANI membawa gagasan idea besar untuk membina negara gemilang. Fenomena 'bebalisme' dan kedangkalan ilmu menjadi antara penghalang serta pengganggu kepada agenda madani

Oleh Dr Zulkifli Hasan
bhrencana@bh.com.my



Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

Konflik dan krisis berlaku di dunia ini berfaktorkan kepada beberapa perkara.

Samuel Huntington menulis *The Clash of Civilisation* (Pertembungan Tamadun), manakala Tariq Ali merujuk kepada *The Clash of Fundamentalism* (Pertembungan Fundamental).

Mansur Moaddel berpandangan krisis dan konflik berlaku kerana *The Clash of Values* (Pertembungan Nilai). John C Bogle pula mengulas krisis ekonomi terjadi kerana faktor *The Clash of Cultures* (Pertembungan Budaya).

Semua penulis ini merumuskan pertembungan antara ketamadunan, fundamental, nilai dan budaya menjadi faktor utama konflik serta krisis dalam masyarakat.

Meneliti kesemua pandangan ini, saya lebih cenderung dengan pandangan Edward Said yang menjawab persoalan akar kepada konflik dan krisis. Said menerusi makalahnya dalam *The Nation* pada 2001 menulis *The Clash of Ignorance* (Pertembungan Kejahilan).

Beliau berpandangan masalah dan punca kepada segala konflik dan permasalahan adalah pertembungan antara kejahilan. Kejahilan atau dangkal keilmuan menjadi punca utama kepada krisis dan konflik.

Selain faktor kejahilan atau dangkal ilmu yang menjadi cabaran di negara ini, baru-baru ini Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyebut fenomena 'bebalisme'.

Istilah ini pernah dipopularkan Prof Syed Hussein Al-Attas menerusi karyanya, *Intelektual Masyarakat Membangun* (*Intellectuals in Developing Societies*).

'Bebalisme' merujuk kepada kekecamukan minda yang tiada visi masa hadapan, mudah percaya kepada perkara di luar kebiasaan dan tiada semangat untuk mengkaji atau menyemak sesuatu perkara serta bodoh sombong.

Dalam erti kata lain, 'bebalisme' adalah satu penyakit dan permasalahan yang boleh menjadi penghalang kepada perubahan dan kemajuan.

Sememangnya diakui, bukan mudah untuk menangani kejahilan dan kedangkalan ilmu apatah lagi 'bebalisme'. Golongan ini lebih popular, mudah mendapat sokongan dan pengaruh kerana tidak mengajak untuk berfikir secara kritis serta bersifat populis.

Kejahilan dan kebalikan terhadap amalan agama, budaya, pemikiran, sosial serta ekonomi, termasuk politik menyebabkan konflik dan krisis, sedangkan ia boleh diselesaikan menerusi pemahaman dan pengetahuan sewajarnya.

Sehubungan itu, saya melihat agenda pencerahan

dan memandaikan rakyat perlu dilaksanakan secara berterusan menerusi pembudayaan ilmu.

Budaya ilmu ialah tradisi dalam ketamadunan Islam. Islam meletakkan ilmu di tempat sangat istimewa dan ilmuwan itu sendiri mempunyai kedudukan sangat tinggi.

Allah SWT berfirman: "*Allah meninggikan darjat orang beriman antara kamu dengan orang diberi ilmu pengetahuan agama (dalam kalangan kamu) beberapa darjat. Dan ingatlah, Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya mengenai apa yang kamu lakukan.*" (al-Muj adalah: 11)

Keperluan pembudayaan ilmu

Terdapat banyak rujukan merungkai dan mengurai mengenai kepentingan pembudayaan ilmu. Karya Ali Shariati bertajuk *What is to be Done, the Enlightened Thinkers and An Islamic Renaissance* menghuraikan peri pentingnya ilmu sebagai wadah pencerahan dan pencerdasan.

Seyyed Hossein Nasr pula menulis *A Young Muslim Guide to the Modern World* sebagai panduan keilmuan kepada anak muda.

Ilmuwan kita, Profesor Diraja, Tan Sri Prof Dr Syed Muhammad Naquib Al-Attas, menerusi Risalah Untuk Kaum Muslimin.

Dr Ismail Raja Al-Faruqi pula dalam bukunya *Tawhid: Its Relevance for Thought and Life* (Muslim Training Manual) menggariskan pendekatan Islami-sasi ilmu.

Karya Abdul Hamid Abu Sulayman bertajuk *Islamisation of Knowledge: New Approach Towards Reform of Contemporary Knowledge* mengenai pasti dan menghuraikan krisis intelektual atau terhakisnya budaya ilmu yang menyebabkan kemunduran.

Terdapat banyak lagi karya penting yang mengupas dan memberi panduan khususnya dalam mentransformasikan pemikiran serta daya intelektual serta pembudayaan ilmu.

Dalam konteks Malaysia, konsep Madani berte-raskan kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan, kesemuanya mesti berpaksikan budaya ilmu.

Aspirasi dan hasrat Malaysia MADANI hanya akan dapat dicapai sekiranya budaya ilmu dapat diasimilasikan dalam masyarakat. Budaya ilmu se-

bagai pendekatan menangani 'bebalisme' dan kedangkalan ilmu mesti menyeluruh.

Ia bukan hanya merujuk kepada budaya membaca tetapi juga merangkumi budaya berfikir, budaya berwacana dan berkarya, budaya syura serta berdiskusi, budaya bermuhasabah dan refleksi dan budaya intelektual.

Budaya ilmu ini juga tidak boleh bersifat amalan individu atau sebahagian kecil daripada kita, tetapi mesti membabitkan semua lapisan masyarakat. Ia perlu menjadi amalan secara berterusan dan menyeluruh oleh setiap ahli masyarakat dalam kegiatan keilmuan.

Malaysia MADANI sejak awal cuba menghidupkan budaya ilmu. Kita dapat saksikan sejak dua tahun lalu, pelbagai majlis ilmu dihidupkan seperti Majlis Ilmu Madani, Usrah Madani, Forum Ilmuwan Malaysia Madani, Wacana Madani, Analisis Madani, Forum dan Karnival Madani, Majlis Sama' Hadith, Hiwar Madani dan banyak lagi, kesemuanya adalah untuk mencetus dan menyuburkan budaya ilmu di negara ini.

Malaysia kini turut menjadi tumpuan dengan kehadiran ulama dan ilmuwan tersohor dari seluruh dunia. Lebih mengujakan, Perdana Menteri sendiri selalu hadir memberikan sokongan dan teladan pembudayaan ilmu ini menerusi wacana intelektual aras tinggi yang seiring dengan aspirasi madani itu sendiri.

Perdana Menteri juga sentiasa menukil dan memperkenalkan karya pemikir agung dari seluruh dunia kepada umum dalam ucapan serta penulisannya.

Kompleks Seri Perdana, kediaman rasmi Perdana Menteri bukan lagi tempat istirahat pemimpin utama negara, tetapi dijadikan sebagai pusat keilmuan yang membuka ruang kepada segenap lapisan masyarakat menghadiri majlis ilmu disampaikan ilmuwan hebat dari seluruh dunia.

Malaysia MADANI membawa gagasan idea besar untuk membina negara gemilang. Fenomena 'bebalisme' dan kedangkalan ilmu menjadi antara penghalang serta pengganggu kepada agenda madani.

Sekiranya fenomena ini berleluasa dan tidak ditangani sebaiknya, Malaysia MADANI hanya akan jadi impian tidak terlaksana.

Mahu tidak mahu, kita harus mengakui hanya menerusi budaya ilmu, Malaysia akan dapat membentuk masyarakat progresif dan dinamik. Pada masa sama, ia membasmi dan menghapuskan 'bebalisme'.

Kini tiba masanya semua pihak mengambil tanggungjawab dan bergandingan beriltizam mewujudkan persekitaran dan suasana mesra serta subur dengan budaya ilmu.

Penulis ingin mengajak semua rakyat Malaysia menjadikan 2025 sebagai tahun memperkasa dan memperkukuh budaya ilmu. Malaysia MADANI dan budaya ilmu berpisah tiada.

"Agenda pencerahan, memandaikan rakyat perlu dilaksanakan berterusan menerusi pembudayaan ilmu"

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH